



LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE KUKUM

Buat pertama kalinya sepanjang tempoh perlatikan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang baru, Dato' Mustapa Mohamed sudi membuat lawatan kerja ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Kita juga difahamkan bahawa, KUKUM merupakan Universiti yang pertama dilawatinya sepanjang tempoh perlatikan tersebut.

Lawatan beliau yang telah diadakan pada 5 Jun 2006 dimulakan dengan lawatan ke Tapak Kampus Tetap KUKUM di Ulu Pauh, Arau, Perlis. Y. Bhg. Dato' Rektor, Exco serta beberapa staf Jabatan Pembangunan yang berada di sana bagi menyambut kedatangan beliau telah sudi memberikan sedikit taklimat ringkas berkenaan pembangunan Kampus Tetap.

Seterusnya, beliau terlibat dengan Jamuan Makan Tengahari dan Perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri Perlis di mana aktiviti ini tidak melibatkan warga KUKUM. Ini diikuti pula dengan acara kemuncak yang telah berlangsung di Dewan Kapitol KUKUM, Kangar iaitu Sesi Taklimat KUKUM dan Amanat oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Pada waktu sesi ini berlangsung, diselitkan juga acara Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoA) di antara Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), Taklimat ringkas daripada Y. Bhg. Dato' Rektor KUKUM, dan juga Perasmian Rakan Cop KUKUM.

Y. B. Dato' Mustapa Mohamed juga dibawa oleh Y. Bhg. Dato' Rektor melawat sekitar Kampus KUKUM selepas tamat sesi taklimat tersebut. Di antara tempat-tempat yang terlibat adalah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi KUKUM, Makmal-makmal KUKUM, dan seterusnya ke Dewan Kolej Kediaman Bersama Warga Jeli bagi menikmati 'High-Tea' yang telah disediakan.

KUKUM seharusnya merasa bangga dengan kehadiran Y. B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia yang baru ini kerana beliau telah sudi membuat lawatan kerjanya ke sini dan juga menyampaikan taklimat yang bermanfaat kepada warga KUKUM.

Disediakan oleh:
Julinawati Suanda

